

# HUiTM NEWSLETTER

BIL 2/2021



## OPERASI 'RESET'

## PENGOPERASIAN HUiTM

Pembukaan Kinik Pakar

Pembukaan Wad

PPUiTM Sungai Buloh sebagai Hospital Hibrid COVID-19

Kesiapsagaan HUiTM Menghadapi COVID-19

Pembedahan Pertama Di HUiTM

## AKTIVITI

Program Semarak Kemerdekaan HUiTM 2021

## PUSAT PEMBERIAN VAKSIN HUiTM

PPV Mega UiTM Puncak Alam

PPV Pandu Lalu & PPV Khas

SPPV HUiTM





# OPERASI 'RESET'

Berikutan penurunan jumlah pesakit COVID-19 yang mendapat rawatan di PPUiTM Sungai Buloh, Hospital UiTM mengambil inisiatif untuk menyusun semula perkhidmatan dengan pengkhususan PPUiTM Sungai Buloh sebagai pusat perkhidmatan jantung dan paru-paru. Inisiatif ini telah dirancang awal, namun terpaksa ditangguhkan bagi memenuhi keperluan rawatan pesakit COVID-19 di PPUiTM Sungai Buloh.

Penyusunan semula perkhidmatan melibatkan :

- Pengoperasian perkhidmatan klinik pakar di Hospital UiTM Puncak Alam (secara janji temu)
- Pengoperasian wad (6A,6D,8D,8C dan ICU) di Hospital UiTM Puncak Alam
- Pengoperasian perkhidmatan dialisis di Hospital UiTM Puncak Alam bermula Julai 2021
- Pengoperasian pusat rawatan harian, endoskopi dan pembedahan bermula Julai 2021
- Pusat rawatan pemulihan perubatan bermula bermula Julai 2021
- Kes pembedahan elektif mula dilaksanakan di dewan bedah Hospital UiTM Puncak Alam

Perancangan pengoperasian perkhidmatan Hospital UiTM :

- Peralihan perkhidmatan perubatan primer dan perkhidmatan dialisis dari PPUiTM Selayang ke PPUiTM Sungai Buloh dan Hospital UiTM Puncak Alam
- Perkhidmatan pesakit bayar penuh (FPP) bakal dilaksanakan pada akhir tahun 2021

Hospital UiTM Puncak Alam bakal membuka lebih banyak wad untuk menampung lebih ramai pesakit. Semoga proses transisi ini berjalan dengan lancar dan komuniti setempat dapat menikmati perkhidmatan perubatan dan kesihatan dalam masa terdekat.



# PEMBUKAAN KLINIK PAKAR HUiTM

Tarikh: 5 April 2021

Hospital UiTM Puncak Alam menawarkan perkhidmatan klinik pakar bermula 5 April 2021 melibatkan Kinik Pakar Wanita dan Kanak-Kanak, Klinik Pakar Perubatan, Klinik Pakar Surgeri & Ortopedik, Klinik Pakar Oftalmologi & Klinik Otorinolaringologi serta Jabatan Farmasi pesakit luar.

Perkhidmatan awal yang ditawarkan khusus untuk pesakit ulangan dan mempunyai janji temu. Perkhidmatan ini juga tidak melibatkan penerimaan kes kecemasan dan perkhidmatan secara ‘walk-in’ belum disediakan.

Klinik beroperasi pada hari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) bermula pada 8.00 pagi hingga 5.00 petang.





# PEMBUKAAN WAD HUiTM

Tarikh: 24 Mei 2021

Selari dengan keperluan dan perkembangan situasi semasa, HUiTM mengorak langkah dengan membuka perkhidmatan pesakit dalam. Wad 6D yang berkapasiti 20 katil mula dibuka bagi menempatkan pesakit daripada pelbagai disiplin. Perkhidmatan awal melibatkan penerimaan pesakit dari PPUiTM Sungai Buloh.

Hospital UiTM mempunyai 17 wad yang terdiri dari wad pelbagai disiplin antaranya :

- Wad Perubatan Am
- Wad Pediatrik
- Wad Obstetrik dan Ginekologi
- Wad Pembedahan
- Wad Psikitrik
- Wad Eksekutif

Syabas dan tahniah buat para petugas barisan hadapan yang sentiasa bersiap-siaga memberikan perkhidmatan secara cekap dan profesional.





## KESIAPSAGAAN HUiTM HADAPI COVID-19

Tarikh: 21 Jun 2021

Dalam usaha membantu mengurangkan beban Kementerian Kesihatan Malaysia dalam membendung COVID-19, HUiTM mula menerima 15 orang pesakit *off-tagged* COVID-19 daripada MAEPS, Serdang ke wad 8C pada 21 Jun 2021. Pesakit-pesakit daripada MAEPS ini adalah terdiri daripada pesakit kategori 3 dan kategori 4 yang masih memerlukan bantuan pernafasan, program rehabilitasi, suntikan intravena atau suntikan intramuskular.

Selain itu, HUiTM juga menghantar 7 orang petugas untuk menyumbang bakti di Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK UKM) bermula 7 Julai 2021. Inisiatif ini adalah untuk membantu petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memerangi pandemik COVID-19.

Disamping itu, staf HUiTM terlibat sebagai sukarelawan di PPV Dewan Berlian untuk menjayakan program vaksinasi berskala mega hasil kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui Kementerian Pengajian Tinggi.

Semoga segala usaha yang dilaksanakan ini mampu membantu meringankan beban petugas kesihatan di Kementerian Kesihatan Malaysia.





## PPUiTM SG. BULOH SEBAGAI HOSPITAL HIBRID COVID-19

Tarikh: 28 Jun 2021

Berikutan peningkatan kes COVID-19 dalam negara pada bulan Jun 2021, PPUITM Sungai Buloh telah beroperasi sebagai salah sebuah Hospital Hibrid COVID-19. PPUITM Sungai Buloh telah menerima pesakit COVID-19 yang terdiri daripada pesakit *off-tagged*, pesakit kategori 4 & 5 dan juga pesakit yang memerlukan rawatan rapi di Unit Rawatan Rapi (ICU) dari Hospital Sungai Buloh (HSB). Beberapa pengubahsuaian ruang dilakukan oleh pihak pengurusan hospital untuk menyediakan tempat yang praktikal bagi merawat pesakit COVID-19. Antara perubahan yang dilakukan adalah:

- Operasi di Jabatan Obstetrik & Ginekologi dan Jabatan Pediatric di aras 4, PPUITM Sungai Buloh dipindahkan ke aras 5, UiTM Private Specialist Centre (UPSC) berikutan ruang di aras 4 dikhaskan untuk penempatan pesakit COVID-19.
- Ruang Klinik 1 bertukar fungsi kepada ruang Jabatan Kecemasan untuk menempatkan pesakit yang berisiko rendah. Perkhidmatan Klinik 1 dipindahkan ke ruang Klinik 2 di aras 2, PPUITM Sungai Buloh pada 12 Julai 2021 . Perubahan ini dilakukan berikutan peningkatan jumlah pesakit COVID-19 yang mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan.





Kompleks Dewan Bedah HUiTM mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya menjalankan pembedahan pertama melibatkan pembedahan artroskopi yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohd Fairudz Mohd Miswan dan pembedahan kedua melibatkan pembedahan *achilles* tendon yang diketuai oleh Dr. Khairul Nizam Rozali.

Kompleks Dewan Bedah HUiTM ini dilengkapi dengan 10 dewan bedah yang menawarkan kepakaran perkhidmatan seperti pembedahan Am, pembedahan Otorinolaringologi, pembedahan Ortopedik dan lain-lain. Buat masa ini, dewan bedah 3 dan dewan bedah 10 sedia untuk beroperasi.

Syabas HUiTM.

## PEMBEDAHAN PERTAMA DI HUiTM PUNCAK ALAM

Tarikh: 13 September 2021





# PUSAT PEMBERIAN VAKSIN



## PPV MEGA UiTM SELANGOR KAMPUS PUNCAK ALAM

Tarikh: 7 Jun -22 Ogos 2021

Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyambut baik hasrat dan inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk memperluaskan perkhidmatan pemberian vaksin kepada warga awam khususnya di Selangor dengan menjadikan UiTM sebagai salah sebuah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) berskala mega.

Bagi menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) ini, HUiTM diberi kepercayaan untuk menerajui PPV Mega UiTM Kampus Puncak Alam bersama-sama dengan penglibatan 250 orang petugas yang terdiri daripada Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian, Fakulti Farmasi dan Fakulti Sains Kesihatan serta sukarelawan warga UiTM.

Bertempat di Dewan Berlian, PPV Mega ini mampu memuatkan seramai 5000 penerima vaksin pada satu-satu masa. Pusat ini lengkap dengan fasiliti ruang parkir kenderaan dan ruang pemantauan yang disediakan khas bagi penerima vaksin dan juga petugas di PPV.

UiTM sebelum ini melalui Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM) Sungai Buloh telah terlibat dalam PICK sejak dari awal apabila dilantik sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan mula memberikan vaksin untuk fasa pertama kepada petugas barisan hadapan UiTM pada 02 Mac 2021.





# PUSAT PEMBERIAN VAKSIN

PPV UiTM Puncak Alam juga telah menerima kunjungan YB Menteri Pengajian Tinggi iaitu YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, YB Khairy Jamaluddin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan YB Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal, Timbalan Menteri Kementerian Belia dan Sukan.

Kunjungan daripada Menteri dan Timbalan Menteri merupakan satu penghormatan buat semua petugas kesihatan dan sukarelawan yang bertungkus-lumus menjayakan PPV Mega ini.





## PROGRAM VAKSINASI 'OUTREACH HOME-TO-HOME'

Selain menawarkan perkhidmatan peremberian vaksin secara pandu lalu, program *outreach home-to-home* juga merupakan salah satu inisiatif HUiTM untuk memastikan penduduk di sekitar Puncak Alam berpeluang untuk menerima vaksin. Memandangkan sebilangan warga awam di Kuala Selangor mempunyai kekangan untuk hadir ke PPV, pihak HUiTM telah mengambil langkah untuk memastikan warga Kuala Selangor mempunyai akses kepada vaksin COVID-19.





# PUSAT PEMBERIAN VAKSIN


# PERKHIDMATAN VAKSINASI PANDU LALU COVID-19 HUiTM

Tarikh : 16 Jun - 30 Julai 2021



Disamping menerajui PPV Mega UiTM Puncak Alam di Dewan Berlian, HUiTM juga menyediakan perkhidmatan vaksinasi secara pandu lalu bertempat di HUiTM bagi membolehkan penerima menerima vaksin tanpa perlu keluar dari kereta. Perkhidmatan ini beroperasi dari jam 8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari.

Sebanyak 7622 dos diberikan melalui inisiatif ini dari 16 Jun hingga 30 Julai 2021. Petugas yang terlibat dalam perkhidmatan vaksinasi secara pandu lalu ini terdiri daripada individu daripada pelbagai jabatan seperti Jabatan Pentadbiran, Jabatan Kejururawatan, pegawai perubatan, pensyarah dari Fakulti Perubatan dan Pergigian, sukarelawan MERCY, dan lain-lain.



Menurut Dr Wan Najwa Wan Mohd Zohdi (Penyelaras PPV pandu lalu HUiTM), tempoh proses penerimaan vaksin bagi seseorang individu mengambil masa kurang dari 30 minit untuk selesai. Satu sistem khas yang telah dibangunkan oleh Jabatan Infostruktur HUiTM bagi membolehkan pendaftaran dibuat dalam talian dan persetujuan digital buat penerima vaksin. Sistem ini memudahkan petugas kesihatan untuk mendokumentasi proses suntikan vaksin secara atas talian.

Syabas buat warga HUiTM yang telah bekerjasama dalam menjayakan PPV pandu lalu ini.



# PUSAT PEMBERIAN VAKSIN

## PEMBERIAN VAKSIN UNTUK REMAJA (12 HINGGA 17 TAHUN)

Tarikh: 15 September 2021

Selaras dengan pemakluman yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berhubung perlaksanaan program imunisasi COVID-19 Kebangsaan Remaja (PICK REMAJA) HUiTM melalui Pusat Pemberian Vaksin Khas (sPPV) memulakan program pemberian vaksin untuk remaja berumur 12 hingga 17 tahun bermula 15 September 2021. Keutamaan diberikan kepada remaja yang memiliki komorbiditi serta penyakit tertentu sejak kecil. sPPV ini beroperasi dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang, Isnin hingga Rabu.


Selain itu, sPPV di HUiTM juga menyediakan perkhidmatan pemberian vaksin untuk remaja mulai 27 September 2021.





# PROGRAM SEMARAK KEMERDEKAAN

Tarikh : 23 September 2021



**SEMARAK KEMERDEKAAN HUiTM 2021**

**MALAYSIA PRIHATIN**

**KATEGORI PENYERTAAN**

- WAD IDAMAN
- KLINIK IDAMAN
- JABATAN / UNIT  
(MESRA & PROFESIONAL)

SILAHKAN PERTANYAAN, HUBUNGI  
03 - 3396 3000 (EN. NAIM / EN. ARIF)

**JOM!**  
SERTAI PERTANDINGAN  
SEMPENA BULAN  
KEBANGSAAN

**HADIAH BAGI SETIAP KATEGORI**

**JOHAN**  
WANG TUNAI RM500 + PIALA KEMENANGAN  
+ SIJIL PENGHARGAAN

**SAGUHATI**  
SIJIL PENYERTAAN

**TARIKH TUTUP PENYERTAAN**  
**31 OGOS 2021**


SILA IMBAS KOD QR  
UNTUK PENDAFTARAN  
DAN MAKLUMAT LANJUT

Bersempena sambutan Hari Kemerdekaan (31 Ogos) dan Hari Malaysia (16 September), HUiTM mengambil inisiatif mengadakan Program Semarak Kemerdekaan HUiTM 2021. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk pertandingan Klinik Idaman, Wad Idaman, Jabatan Mesra dan Profesional, Video Pilihan dan Kategori Khas Juri.

Aktiviti seumpama ini dianjurkan bagi memupuk dan membentuk warga yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi dan mampu menterjemah erti kemerdekaan khususnya dalam usaha berperang melawan COVID-19. Aktiviti ini juga dilihat mampu mengeratkan hubungan antara jabatan di HUiTM khususnya melalui kerjasama penganjuran program yang memberi manfaat kepada seluruh warga. Pengisian program / aktiviti secara tidak langsung menyumbang kepada pemantapan budaya kerja, pematuhan prosedur dan standard perkhidmatan, peningkatan semangat kerjasama dalam kalangan staf hospital.



# KUMPULAN EDITOR



## PENASIHAT:

Prof Dr. Sazzli Shahlan Kasim  
Pengarah Hospital UiTM

Dr Liyana Dhamirah Aminuddin  
Ketua Jabatan Komunikasi Korporat

Dr Masri Muhamed  
Timbalan Ketua Jabatan Komunikasi Korporat

## EDITOR:

Dr Siti Aisyah Nizar  
Mohd Hafidz Abdul Satar @ Ahmad Sabri

## EDITOR BERSEKUTU :

Azizul Baharin  
Muhamad Jimikhairi Baharudin  
Mohd Arif Aminudin  
Syahidah Ghazali  
Muhammad Naim Hafiz Abdul Kamal  
Umairah Izzati Mokhtar

**PEREKA GRAFIK**  
Nurhidayah Yakob

**FOTOGRAFI**  
Dr Masri Muhamed  
Syafika Md Idrus

## PENYUMBANG MAKLUMAT

Prof. Madya. Dr. Ahmad Izuanuddin Ismail  
Dr. Wan Najwa Wan Mohd Zohdi  
Dr. Nurul Farwani Mohd Denan  
Matron Norhaniza Kamaludin  
Matron Maslina Mazlan  
Matron Rozaila Zainon @ Md Ali  
Mohd Khairil Izwan Md Daim



Hospital UiTM



huitmofficial



huitmofficial



huitm.unitkorporat@uitm.edu.my

